



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 21 JUN 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FARMERS URGED TO GROW DURIAN ON LARGER SCALE FOR CHINA MARKET, NATIONAL, THE SUN -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MAT SABU: DURIAN BONANZA AWAITS BUNI ENTREPRENEURS, NEWS, NST -4	
3.	TANAM DURIAN DALAM SKALA, NASIONAL, SH -10	
4.	PASARAN EKSPORT DURIAN KE CHINA BERNILAI TINGGI, LOKAL, HM -20	
5.	KORBAN LUAR NEGARA PUNCA TEMPAHAN LEMBU KURANG, DALAM NEGERI, UM -4	
6.	BEKALAN BERAS SEMASA NEGARA CUKUP UNTUK TEMPOH SEHINGGA ENAM BULAN -KPKM, BH -ONLINE	
7.	BEKALAN BERAS TAHUN INI STABIL -LOKMAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
8.	LIMAU BALI DISENARAI DALAM MyIPO UNTUK JAGA IDENTITI PERAK, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
9.	HANYA ENAM DARIPADA 33 JENIS SAYUR NAIK HARGA, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	LKIM TERUSKAN TRADISI IBADAH KORBAN, NASIONAL, SH -23	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11.	LKIM ANJUR PROGRAM IBADAH KORBAN KALI KE-10, ASTRO AWANI -ONLINE	
12.	SELUDUP BERAS PULUT SIAM DALAM TONG IKAN ELAK DIKESAN KASTAM, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2024	THE SUN	NATIONAL	4

Farmers urged to grow durian on larger scale for China market

PUCHONG: All local *durian* farmers are urged to start growing the fruit on a large scale to be marketed to China in the next five to six years, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad Sabu said farmers need to start making the effort now, following the signing of the Phytosanitary Requirements Protocol for the Export of Fresh *Durian* from Malaysia to China on Wednesday.

Both countries signed the protocol in a Memorandum of Understanding Exchange ceremony, which was witnessed by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Chinese Premier Li Qiang.

He said the success of the signing between the two countries should be utilised because *durian* export is a high-value business and could help raise the income of local entrepreneurs.

"We (Malaysia) have officially signed with China. After this, our *durian* will be exported directly to China by following the rules and licenses set. If farmers work hard from now on, in between five and six years they will get results."

Mohamad said the government will always provide support and assistance to entrepreneurs to ensure the *durian* produced locally is of good quality and suitable for export to

China. "Grow any type of *durian* but it must be of good quality for export," he said, adding that international media reports have revealed that the demand for *durian* has been increasing.

Previously, Malaysia was granted export market access to China for *durian* in the form of pulp and paste in 2011 and frozen *durian* in whole in 2018. — Bernama

MULTIBILLION-RINGGIT MARKET

MAT SABU: DURIAN BONANZA AWAITS BUMI ENTREPRENEURS

Farmers who have capital should use more land to increase exports, says minister

HAKIM MAHARI
PUCHONG
news@nst.com.my

THE government wants Bumiputera entrepreneurs to go into large-scale durian cultivation to take advantage of the multibillion-ringgit export market.

"We want more farmers, especially Bumiputera who have the capital, to use more land for this purpose so that exports can increase," said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He pointed to the agreement between Malaysia and China on Wednesday to allow the export of fresh durian to the latter.

The Agriculture and Food Security Ministry had, on Wednesday, said the agreement would create opportunities for more than 63,000 entrepreneurs.



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu taking part in the Fisheries Development Authority's Ibadah Korban programme in Puchong yesterday. BERNAMA PIC

"And today (yesterday), the New York Times published a report stating that durian will become a billion-dollar business," Mohamad said at the Fisheries Development Authority's Ibadah Korban programme here yesterday. Malaysia was previously allowed to export durians to China as pulp and frozen whole fruit.

Tanam durian dalam skala besar

Pengusaha durian disaran mulakan usaha itu untuk dieksport ke negara China

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**
PUCHONG

Pengusaha durian khususnya dalam kalangan bumiputera wajar memulakan penanaman raja buah itu dalam skala besar untuk dipasarkan ke negara China dalam tempoh enam tahun lagi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha itu perlu bermula dari serangkusulan pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China pada Rabu.

Jelasnya, kejayaan pemeteraian antara kedua-dua negara itu perlu dimanfaatkan

kerana aktiviti pengeksportan durian merupakan perniagaan yang bernilai tinggi dan membantu meningkatkan pendapatan pengusaha tempatan.

"Kalau penanam berusaha dari sekarang, dalam masa antara lima dan enam tahun akan dapat hasil," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Ibadah Korban Lembaga Kemajuan Ikan

Mohamad (tiga dari kiri) mengagihkan daging korban kepada kakitangan LKIM di Puchong pada Khamis.



Malaysia (LKIM) 2024 di Pulau Meranti, di sini pada Khamis.

Tambah Mohamad, kerajaan sentiasa memberi sokongan dan bantuan kepada pengusaha dalam memastikan durian yang dihasilkan dari ladang tempatan berkualiti dan sesuai dieskport ke China.

"Tanamlah apa sahaja jenis durian tapi mesti berkualiti untuk dieskport," katanya.

21/6/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

20

Pasaran eksport durian ke China bernilai tinggi

Puchong: Semua pengusaha durian tempatan khususnya golongan bumiputera perlu memulakan penanaman buah berkenaan dalam skala besar bagi membolehkan dipasarkan ke China antara lima hingga enam tahun lagi, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata, usaha itu perlu dimulakan dari sekarang susulan pemetaraan Protokol Keperluan Fitosanitari Eksport Buah Durian Segar dari Malaysia ke China kelmarin.

Beliau berkata, kejayaan pemetaraan antara kedua-dua negara perlu dimanfaatkan kerana aktiviti pengeksportan durian merupakan perniagaan bernilai tinggi dan membantu meningkatkan pendapatan pengusaha tempatan.

"Kita (Malaysia) tandatangan secara rasmi dengan China semalam. Selepas ini durian kita dieksport terus ke China dengan mengikut peraturan dan lesen ditetapkan dan sebagainya."

Kalau penanam berusaha dari sekarang, dalam masa antara lima dan enam tahun dapat hasil," katanya selepas menghadiri Program Ibadat Korbhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di sini, semalam.

Mohamad berkata kerajaan sentiasa memberi sokongan dan bantuan kepada pengusaha dalam memastikan durian dihasilkan dari ladang tempatan itu berkualiti dan sesuai dieksport ke China.

Tanamlah apa sahaja je-



MOHAMAD menyertai Program Ibadat Korbhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

"Tanamlah apa sahaja jenis durian, tapi mesti berkualiti untuk dieksport"

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu

nis durian, tapi mesti berkualiti untuk dieksport," katanya sambil memetik laporan media antarabangsa baru-baru ini mengenai permintaan durian yang semakin meningkat dan mendapat permintaan daripada penduduk global. Kelmarin Malaysia dan China memeterai protokol

berkenaan dalam majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman Persefahaman Persefahaman yang disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatnya, Li Qiang.

Malaysia sebelum ini diberikan akses pasaran eksport ke China bagi durian dalam bentuk ulas dan pes

pada 2011 dan buah durian sejuk beku dalam bentuk biji pada 2018.

China adalah pasaran eksport utama durian dari Malaysia dengan nilai eksport RM887 juta pada 2022.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, bekalan beras di pasaran ada-

lah stabil untuk memenuhi keperluan rakyat negara ini.

"Kalau kita lihat masa Al-diladha baru-baru ini, keseluruhan lokasi di negara (bekalan beras) stabil tetapi kita sentiasa memantau. Kalau ada kekurangan kita segera bertindak," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Korban luar negara punca tempahan lembu kurang

KUALA LANGAT: Kecenderungan umat Islam melaksanakan ibadah korban di luar negara menjadi satu daripada faktor kekurangan tempahan yang diterima penternak ruminan tempatan pada tahun ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali berkata, faktor kos pembelian haiwan ternakan yang lebih rendah seperti di Palestin, benua Afrika dan Kemboja turut menarik minat orang ramai untuk melakukan korban di luar negara.

“Banyak faktor yang menyebabkan pesanan lembu korban berkurangan tahun

ini, salah satunya mungkin ramai yang buat di luar negara disebabkan faktor kos.

“Mungkin juga disebabkan perasaan ingin membantu sesama umat Islam yang lebih daif di luar negara,” katanya ketika ditemui melakukan ibadah korban di Kampung Endah bersama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat semalam.

Lokman Hakim berkata, persaingan sengit sesama penternak lembu yang memasarkan haiwan ruminan tersebut turut menyumbang kepada kemerosotan permintaan dalam kalangan kumpulan itu bagi pelaksanaan korban tahun ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Bekalan beras semasa negara cukup untuk tempoh sehingga enam bulan - KPKM



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan, bekalan beras sebagai makanan ruji masih mencukupi dalam pasaran bagi memenuhi keperluan rakyat negara ini.

KPKM dalam kenyataannya kepada BH, berkata kedudukan semasa stok beras negara sehingga 18 Jun lalu adalah sebanyak 1,128,165 tan metrik

mencukupi bagi tempoh lima ke enam bulan keperluan negara.

"Pada masa ini, kedudukan stok beras dagangan dalam negara di peringkat kilang, borong dan runcit adalah sebanyak 752,447 tan metrik, manakala 107,757 tan metrik dalam proses pemindahan kapal dan 67,961 tan metrik dalam bentuk padi beras tempatan.

"Bagi menampung keperluan beras negara, KPKM sentiasa memastikan kedudukan stok beras dagangan melebihi paras keperluan kira-kira 200,000 tan metrik sebulan," katanya.

KPKM berkata, pihaknya juga telah menyediakan stok penimbun beras berjumlah 200,000 tan metrik yang sedia digunakan pada bila-bila masa, sekiranya berlaku kecemasan seperti krisis makanan global dan darurat.

Terdahulu, KPKM berkata, kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjamin peningkatan pengeluaran beras tempatan khususnya melalui 12 Inisiatif Gelombang Padi.

"Antara yang dirangka ialah peluasan program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan, program penanaman padi lima musim untuk dua tahun dan inisiatif memperkukuh infrastruktur pengairan sawah.

"KPKM juga menggalakkan penanaman dan pengambilan hasil tanaman-tanaman lain yang bernutrisi dan sihat oleh rakyat selain daripada makanan ruji negara," katanya.

Katanya, perkara itu antara penekanan utama KPKM dalam melaksanakan agenda keterjaminan makanan negara selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2021-2030.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Bekalan beras tahun ini stabil – Lokman



Gambar hiasan

PUCHONG – Bekalan beras tahun ini dijangka terus stabil, demikian jaminan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali.

“Saya lihat keadaan di pasaran bagi (bekalan) beras adalah stabil. Sewaktu perayaan Aidiladha ini nampaknya secara keseluruhan lokasi seluruh

negara juga stabil.

“Kita lihat keadaan dalam tahun ini (bekalan) baik dan stabil, cuma (kalau) ada di beberapa lokasi yang mempunyai masalah, ini peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) beri bekalan secara terus,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Program Ibadah Korban Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tahun 2024/1445H, di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Kata Lokman, KPKM akan terus memantau situasi bekalan makanan ruji itu di dalam negara secara konsisten.

Pada Mei lalu, Mohamad Sabu mengesahkan rungutan berkenaan masalah ketiadaan beras tempatan dilihat semakin berkurangan.

Ujarnya ia susulan inisiatif kerajaan mengarahkan 140,000 tan bekalan bahan itu diproses dan dikeluarkan segera dari kilang, sejak Mac lalu.- MalaysiaGazette



Limau bali disenarai dalam MyIPO untuk jaga identiti Perak

IPOH – Penyeranaan limau bali Tambun bagi kategori 'Geographical Identification' (GI) dalam Perbadanan Harta Intelektual Malaysia (MyIPO) bertujuan untuk memelihara identiti buah tersebut sebagai produk pelancongan negeri Perak.

Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman berkata, usaha itu digerakkan Jabatan Pertanian negeri bagi mempromulakan lagi produk ikon itu selain melindungi 87 pengusaha di Tambun dan memastikan pembeli tidak tertipu.

"Sekarang terdapat banyak pengusaha ladang limau bali di Perak sendiri selain di Johor, Kedah, Melaka, Kelantan dan Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.

"Inisiatif ini memerlukan kerjasama pemilik ladang selain mungkin kita turut memperkenalkan pelekat dan hologram sebagai identiti limau bali Tambun," katanya kepada Kosmo/ baru-baru ini.

Katanya lagi, limau bali Tambun mengikut rekod jabatannya telah didaftarkan sejak 1984 lagi.

Jelasnya, pengeluaran limau bali Tambun secara puratanya dua kali setahun, namun ia bergantung pada musim dan cuaca dan penyelenggaraan tanaman.

"Keluasan tanah bagi limau bali ini di Tambun sekitar 56 hektar dengan pengeluaran 1,507 tan pada tahun lalu. Pendapatan hasil jualannya ialah RM12.2 juta dan saiz ekonomikal bagi tanaman ini ialah sekitar 0.8 hektar.

"Mengikut rekod kita pada Januari hingga April lalu, hasil bernilai RM5.5 juta berjaya diraih oleh pengusaha limau bali Tambun yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian negeri," katanya.

21/6/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33



MOHAMAD Fadlee Hassan (kiri) meninjau bekalan sayuran-sayuran di Pasar Tani Kekal di Chendering, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/ZAID MOHD. NOOR

Hanya enam daripada 33 jenis sayur naik harga

Oleh ZAID MOHD. NOOR
zaid.noor@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Sebanyak enam daripada 33 jenis sayur-sayuran mencatatkan peningkatan harga di peringkat pemborong di negeri ini selepas penyasaran subsidi diesel dilaksanakan mulai Isnin lalu.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu, Mohamad Fadlee Hassan berkata, harga enam jenis sayur-sayuran itu naik antara RM1 hingga RM3 sekilogram.

Katanya, enam jenis sayur tersebut ialah cili Kulai merah, cili hijau, daun bayam, daun sup, sawi hijau dan terung panjang.

Katanya, harga jenis sayur-sayuran lain pula masih kekal pada minggu ini.

"Harga cili Kulai merah naik daripada RM14 sekilogram kepada RM16 sekilogram, sawi hijau (RM3

sekilogram kepada RM5 sekilogram), cili hijau (RM9 sekilogram kepada RM10 sekilogram) dan daun bawang (RM12 sekilogram kepada RM14 sekilogram).

"Harga sayur-sayuran lain yang berlaku kenaikan di peringkat pemborong ialah daun sup (RM20 sekilogram kepada RM22 sekilogram), sawi hijau (RM5 sekilogram kepada RM7 sekilogram) dan terung panjang pula (RM5 sekilogram kepada RM7 sekilogram)," katanya selepas membuat tinjauan harga sayur-sayuran di Pasar Tani Kekal di Chendering, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Mohamad Fadlee berkata, kenaikan harga sayur-sayuran itu tidak melibat kan penyasaran subsidi diesel semata-mata, sebaliknya permintaan yang tinggi di pasaran.

"Pengeluaran beberapa jenis sayur-sayuran itu didapati berkurangan berbanding pe-

mintaan yang tinggi di pasaran menyebabkan berlaku kenaikan harga di pasaran," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, harga sayur-sayuran di peringkat runcit juga tidak menunjukkan kenaikan harga sehingga membebaskan pengguna.

"Serakat ini, hanya satu daripada jenis sayur sahaja menunjukkan kenaikan harga di peringkat runcit iaitu cili merah minyak daripada RM12 sekilogram kepada RM14 sekilogram," ujarnya.

Sementara itu, seorang peniaga sayur, Muhammad Saufi Abdul Salim Zamri pula berkata, kebanyakan pemborong tidak menaikkan harga sayur-sayuran.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan perlu memastikan pemborong tidak mengambil kesempatan menaikkan harga sayur-sayuran berikutan penyasaran diesel tersebut.

LKIM teruskan tradisi ibadah korban

Empat lembu dikorbankan tahun ini termasuk disumbangkan Pengerusi LKIM

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
PUCHONG

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) meneruskan tradisi pelaksanaan ibadah korban sempena Aidiladha seperti tahun sebelumnya.

Ketua Pengarah LKIM, Hamdan Mamat berkata, tahun ini merupakan penganturan kali ke-10 termasuk satu lagi penganturan dengan kerjasama pengurusan Masjid Pulau Meranti.

"Program ibadah korban ini diadakan setiap tahun de-

ngan anjuran Badan Kebajikan Islam LKIM (BAKIS) dan kerjasama sepenuhnya pengurusan LKIM.

"Sebanyak empat lembu dikorbankan pada tahun ini termasuk seekor disumbangkan Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil selain membabitkan seramai 28 petugas.

"Peserta program terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat LKIM dan LKIM negeri, ahli keluarga serta peserta LKIM," katanya pada Program Ibadah Korban LKIM 2024 pada Khamis.

Terdahulu, program diadakan di Wisma LKIM Jalan Desaria, Pulau Meranti turut dihadiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham Mohd.

Mohamad yang menghadiri program di KPKM sebelum itu memaklumkan, sebanyak sem-



Mohamad (kiri) mencuba masakan disediakan kakitangan LKIM.

bilan lembu dikorbankan sebelum dagingnya diagihkan kepada mereka yang layak.

"Hari ini adalah hari terakhir korban, pada hari raya keempat

dan kita harap korban kali ini diterima ALLAH sebagai tanda tauhid kita kepada-Nya.

"Saya ucap terima kasih kepada seluruh kakitangan di se-

mua peringkat yang bekerja secara gotong-royong untuk korban hari ini iaitu sembilang (lambu) di KPKM dan empat di LKIM," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

LKIM anjur program ibadah korban kali ke-10

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menganjurkan program ibadah korban kali ke-10.



ISMAIL menunjukkan beras pulut yang disembunikan dalam tong ikan yang dirampas di Kuala Perlis pada 28 Mei lalu.

Seludup beras pulut Siam dalam tong ikan elak dikesan Kastam

PADANG BESAR – Taktik penyeludup menyembunyikan bahan masakan dari Thailand seperti tepung beras dan beras pulut di dalam tong ikan gagal apabila dikesan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis di Kuala Perlis, dekat sini pada 28 Mei lalu.

Pengarah Kastam negeri, Ismail Hashim berkata, barangan tersebut bersama gula dan serbuk perasa dengan berat keseluruhan 597 kilogram (kg) dengan anggaran nilai RM7,080 ditemui di pelantar Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

“Seorang lelaki berusia 26 tahun ditahan bagi membantu siasatan kes ini. Kita percaya sus-

pek menyembunyikan barangan tersebut di dalam tong ikan bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

“Barangan yang dibawa dari Thailand ini perlu diikrarkan dalam Borang Kastam 1 untuk diimport. Semuanya tidak ada permit, contohnya tepung beras, beras pulut ini perlu permit. Malah, gis selain kelulusan daripada segi kesihatan,” katanya pada sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan Kastam Padang Besar, di sini semalam.

Kata beliau, rampasan tersebut merupakan antara kes yang berjaya dihasilkan JKDM Perlis dalam Operasi Khas Bersepadu

Diesel Bersubsidi di Kompleks ICQS Padang Besar bermula 27 Mei hingga 10 Jun lalu.

“Selain itu, kita juga merampas 96 botol minuman keras bernilai RM44,874 yang ditinggalkan di dalam beg di Jeti Penumpang Kuala Perlis dan 698 botol ubat batuk bernilai RM24,430 di pesisiran Pantai Kurong Tegar, Kuala Perlis,” ujarnya.

Tambahnya, dalam operasi itu pihaknya juga menahan seorang wanita berusia 30 tahun bersama sebuah kereta jenis Toyota Yaris di Pangkalan Marin Kuala Perlis kerana didapati berada di luar Langkawi melebihi tempoh 90 hari dalam setahun.